

Mun Yee ok je, Lela enggan komen

Mohd Khairie Khalid

khairie@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penerjun berpengalaman negara, Leong Mun Yee menegaskan dia hanya mengikut arahan dan menerima secara terbuka untuk ‘bekerja’ dengan sesiapa saja kerana tugas seorang atlet hanyalah melakukan latihan seperti biasa.

“Ini keputusan pihak atasannya, kita sebagai atlet hanya mengikut arahan dan melakukan latihan bersungguh-sungguh.

“Jurulatih Zhang Yukun juga pernah mengajar saya selama dua tahun kerana sebelum ini jurulatih (Yang Zhuliang) memberi fokus kepada atlet junior,” kata Mun Yee yang memiliki koleksi sebanyak 17 pingat emas sepanjang karier di temasya dwitahunan Sukan SEA.

Sementara itu, juara dunia, Cheong Jun Hoong dan ratu terjun negara, Pandelela Rinong mengambil pendekatan berdiam diri mengenai perkara itu, dengan membahas menerusi aplikasi Whatsapp, “maaf, tidak ada komen mengenai perkara itu.”

Menerusi tinjauan pemberita yang dilakukan kelmarin, sesi latihan atlet kebangsaan berlangsung seperti biasa di Pusat Nasional Akuatik Kompleks Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur, sebelum diteruskan di gimnasium.

Sebagai rekod, Kumpulan Sukan NSTP sebelum ini melaporkan Yang Zhuliang tidak akan membimbing pasukan elit kebangsaan pada tahun depan di sebalik berjaya melahirkan juara dunia dan pemenang pingat di Sukan Olimpik.

Jurulatih berusia 53 tahun itu yang kembali dari Australia selepas berehat sebulan berkata, kontraknya tidak



PANDELELA

dibincangkan lagi.

Difahamkan, Institut Sukan Negara (ISN) mahukan pembaharuan untuk pasukan terjun negara dan bercadang meletakkan jurulatih dari China itu untuk mengetuai pembangunan.

Memetik laporan semalam, Zhuliang yang melatih skuad terjun negara sejak 2008 berkata, beliau tidak menyesal dan sedih dengan keputusan itu kerana sudah banyak kejayaan yang diraihnya bersama skuad terjun negara.

Berikut itu, semalam ISN mengesahkan tidak memperbaharui kontrak Zhuliang sebagai ketua jurulatih skuad terjun negara di bawah Program Podium. Menerusi kenyataan dikeluarkan, ISN bersetuju untuk melantik jurulatih Zhang Yukun selaku ketua jurulatih baharu secara sementara.



MUN YEE